



NOTIS BERDASARKAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 KEPADA PELANGGAN, PEMBEKAL DAN/ATAU PENGEDAR

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**"), termasuk sebarang dan semua perundangan subsidiari, peraturan, dan/atau perintah yang diarah di bawahnya dan sebagaimana yang telah diubah, dipinda dan ditambah dari masa ke semasa dan sebarang panduan dan/atau arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan (secara kolektif, "**Akta**" tersebut), mengatur pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial.

Kami, Polyflor (M) Sdn. Bhd., menghargai privasi anda dan komit sepenuhnya dalam melindungi data peribadi anda selaras dengan Akta tersebut. Sehubungan dengan itu, notis bertulis ini ("**Notis Privasi**") berfungsi untuk menjelaskan bagaimana data peribadi anda dikumpulkan, digunakan dan didedahkan oleh Polyflor (M) Sdn. Bhd. dan/atau mana-mana syarikat induk, anak syarikat atau syarikat berkaitan miliknya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuk ejen, pekerja, kontraktor, dan sub-kontraktor kami ("**kami** ").

Notis Privasi ini merangkumi kedua-dua aktiviti pengumpulan data dalam talian dan luar talian kami, termasuk data peribadi yang kami kumpulkan melalui pelbagai saluran kami seperti laman web, rangkaian sosial pihak ketiga, titik jualan ("points of sale"), kempen, peraduan dan acara.

Notis Privasi ini, serta mana-mana variasi, penambahan dan perubahan yang dibuat dari masa ke semasa mengenainya, akan berbentuk sebagai bahagian integral dalam terma dan syarat semua hubungan kontrak anda dengan kami.

1. Definisi

Dalam Notis Privasi ini:

- 1.1 istilah "**transaksi komersial**", "**pembetulan**", "**pemproses data**", "**data peribadi**" dan "**pemprosesan**" hendaklah mempunyai makna yang diperuntukkan kepada mereka berdasarkan Akta tersebut; dan
- 1.2 "**anda**" hendaklah merujuk kepada diri sendiri dan orang-orang lain yang diwakili oleh anda pada siapa anda memberikan data peribadi, termasuk data peribadi pemilik tunggal sebuah perniagaan milik tunggal; pengarah, pemegang saham, pengurus dan/atau pegawai sebuah syarikat; data peribadi rakan kongsi, pengurus dan/atau pegawai sebuah perkongsian; data peribadi pemegang jawatan sebuah pertubuhan, kelab atau badan "unincorporated".

2. Persetujuan

Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami atau dengan mengikat perjanjian dalam mana-mana transaksi komersial dengan kami, sama ada sebagai pelanggan, pembekal dan/atau pengedar, anda dengan ini memberi persetujuan anda untuk pemprosesan data peribadi anda oleh kami dan/atau pemproses data kami bagi pihak kami bersesuaian dengan Notis Privasi ini dan Akta tersebut.

3. Penerangan mengenai data peribadi

Data peribadi yang diproses oleh kami dan/atau oleh pemproses data kami boleh termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

- 3.1 nama anda, tarikh lahir, jantina, bangsa, umur, kewarganegaraan, agama, jawatan, nombor Kad Pengenalan Malaysia, nombor pasport, nama syarikat, nama perniagaan atau dagangan, nombor pendaftaran syarikat atau perniagaan, alamat e-mel, alamat pos atau surat-menyurat, maklumat hubungan termasuk nombor telefon bimbit, pejabat dan rumah kediaman, nombor faksimile, butiran bank, butiran kad debit atau kredit, penyata bank, fotograf, imej, kad nama, dokumen berkanun syarikat atau peniaga, penyata kewangan dan laporan tahunan;

- 3.2 sebarang data peribadi tambahan yang diberikan oleh anda atau oleh pihak ketiga mengenai anda yang belum tersedia ada dalam domain awam;
- 3.3 sebarang data peribadi tambahan yang mungkin kami kumpulkan daripada anda pada mana-mana ketika yang berikut ; dan
- 3.4 semua data peribadi lain yang diperlukan untuk Tujuan tersebut sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 4 di bawah.

4. Tujuan

Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya untuk:

- 4.1 menghubungi dan berkomunikasi dengan anda;
- 4.2 menyediakan produk dan/atau perkhidmatan kami kepada anda;
- 4.3 mengekalkan rekod yang betul dan untuk pengesahan identiti dalam membenarkan penyediaan perkhidmatan yang diperlukan;
- 4.4 mewujudkan, melaksanakan atau menamatkan kewajipan kontrak kami dengan anda;
- 4.5 mentadbir dan memproses sebarang pembayaran untuk mana-mana pembelian oleh anda untuk produk dan/atau perkhidmatan kami;
- 4.6 bertindak balas terhadap pertanyaan atau aduan anda dan menyelesaikan pertikaian;
- 4.7 mengendalikan kaji selidik/penyelidikan pasaran, analisis trend, penyusunan statistik, pelaporan, audit, pematuhan, pengurusan risiko, dan analisis data untuk meningkatkan produk, perkhidmatan, pemasaran atau kandungan pengiklanan kami;
- 4.8 tujuan penyiasatan dan pencegahan jenayah;
- 4.9 mematuhi mana-mana syarat perundangan atau peraturan dan/atau permintaan daripada kementerian/jabatan/badan/agensi kerajaan/badan pengawalseliaan kerajaan;
- 4.10 melaksanakan pemeriksaan rujukan kredit dan mewujudkan nilai kredit anda, di mana perlu;
- 4.11 menghantar bahan-bahan seperti surat berita, artikel dan sebarang kemas kini mengenai dasar-dasar kami, terma dan syarat dan mana-mana perkara lain yang perlu atau relevan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami;
- 4.12 menyediakan dokumentasi perundangan untuk disertai oleh anda;
- 4.13 memindahkan atau memperuntukkan hak, kepentingan dan kewajipan kami di bawah mana-mana kontrak anda dengan kami;
- 4.14 tujuan mendapatkan nasihat perundangan dan/atau kewangan, menguatkuasakan hak-hak kami dan/atau untuk tujuan memulakan tindakan perundangan berdasarkan mana-mana kontrak atau dokumen yang anda dengan sewajarnya telah mengikat perjanjian dengan kami;
- 4.15 mengendalikan premis kami dengan cara yang selamat dari segi fizikal, terjamin dan bersesuaian dengan keperluan kesihatan dan keselamatan termasuk tanpa had, memudahkan sebarang usaha mengesan kontak berhubung COVID-19; dan
- 4.16 untuk mencapai apa-apa tujuan lain yang, dalam anggaran kami, adalah perlu dan/atau munasabah dalam keadaan tersebut.

(secara kolektif, "**Tujuan**" tersebut).

5. Sumber data peribadi

Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dari pelbagai sumber, termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

- 5.1 maklumat yang diberikan oleh anda atau seseorang yang bertindak bagi pihak anda;
- 5.2 maklumat yang disediakan oleh agensi pelaporan kredit, jabatan atau agensi kerajaan, pendaftaran awam, media sosial dan penerbitan;
- 5.3 maklumat yang terdapat dalam domain awam; atau
- 5.4 maklumat yang diperoleh oleh kami daripada sumber-sumber lain yang sah.

6. Akses dan pembetulan data peribadi, dan pertanyaan atau aduan

Anda boleh, setakat yang dibenarkan oleh Akta tersebut:

- 6.1 membuat permintaan untuk mengakses kepada data peribadi yang anda berikan;
- 6.2 membuat permintaan untuk pembetulan data peribadi yang diberikan oleh anda di mana data peribadi adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini; atau
- 6.3 hubungi kami dengan sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan data peribadi yang anda berikan

dengan menghantar permintaan/pertanyaan/aduan anda secara bertulis kepada:

Nama: Darren Goh
Jawatan: Pengurus Besar
Nombor Telefon: 012-3929633
Alamat e-mel: dgoh@polyflor.com.my

Kami berhak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau meminta untuk pembetulan seperti yang diuraikan dalam perenggan 6.1 dan 6.2 di atas dalam keadaan dan setakat yang diizinkan di bawah Akta tersebut, di mana kami akan memaklumkan anda tentang perkara ini melalui notis bertulis.

7. Penarikan Balik Persetujuan

Anda boleh menarik balik persetujuan anda yang sebelum ini diberikan kepada kami (secara keseluruhan atau sebahagian) untuk:

- 7.1 memproses data peribadi anda untuk mana-mana Tujuan tersebut; atau
- 7.2 mendedahkan Data Peribadi kepada mana-mana pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam perenggan 8 di bawah;

tertakluk kepada mana-mana sekatan perundangan yang berkenaan, syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah untuk penarikan balik persetujuan dilaksanakan dengan menghantar notis bertulis kepada orang yang dihubungi yang diuraikan dalam perenggan 6 di atas.

8. Pendedahan data peribadi kepada pihak ketiga

Data peribadi anda didedahkan atau mungkin didedahkan kepada pihak ketiga berikut (sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia):

- 8.1 syarikat atau entiti yang bergabung dengan kami;
- 8.2 rakan niaga kami (termasuk tanpa had vendor, pembekal, ejen dan kontraktor kami);
- 8.3 bank dan/atau institusi kewangan kami;
- 8.4 perunding, peguam cara, juruaudit, pekerja, syarikat insurans dan mana-mana orang yang berada di bawah kewajipan kerahsiaan terhadap kami;
- 8.5 mana-mana orang yang diperlukan untuk tujuan kami dalam mematuhi keperluan perundangan dan peraturan;
- 8.6 mana-mana orang yang diperlukan untuk tujuan kami dalam menguatkuasakan hak dan tuntutan perundangan kami;
- 8.7 di mana berkenaan, pemproses data kami yang memproses Data Peribadi bagi pihak kami;
- 8.8 pusat data dan/atau "server", kemudahan penyimpanan dan pembekal perkhidmatan pengurusan rekod yang terletak di dalam atau di luar Malaysia; dan
- 8.9 mana-mana pihak ketiga yang dibenarkan oleh atau dipersetujui oleh anda.

9. Data peribadi pihak ketiga

Kami mungkin memerlukan bantuan anda jika data peribadi yang berkaitan dengan mana-mana pihak ketiga diperlukan untuk memproses data peribadi anda untuk Tujuan tersebut dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk membantu kami apabila diperlukan. Sekiranya data peribadi mana-mana pihak ketiga telah dibekalkan oleh anda kepada kami, anda hendaklah memastikan bahawa pihak ketiga tersebut telah membaca Notis Privasi ini dan bersetuju dengan kami untuk mengumpul data peribadinya untuk mana-mana Tujuan tersebut sebelum pembekalan data peribadinya kepada kami.

10. Akibat jika tidak memberikan data peribadi

Adalah wajib bahawa anda membekalkan kami dengan butir-butir data peribadi yang mungkin diperlukan oleh kami untuk memulakan transaksi komersial anda atau hubungan kontrak dengan kami. Jika anda menarik balik persetujuan anda untuk memproses data peribadi yang relevan atau gagal membekalkan kami dengan data peribadi yang relevan, kami mungkin enggan memproses data peribadi anda untuk mana-mana Tujuan tersebut dan/atau ia mungkin mengakibatkan kami untuk tidak dapat berkomunikasi atau berutus-utusan dengan anda dan/atau menyediakan untuk anda dengan perkhidmatan dan/atau produk yang diminta.

11. Keselamatan dan penyimpanan data peribadi

- 11.1 Kami akan mengambil semua langkah praktikal, apabila memproses data peribadi yang diberikan kepada kami, untuk melindungi keselamatan Data Peribadi.
- 11.2 Kami akan menyimpan data peribadi anda dalam mematuhi Notis Privasi ini selagi diperlukan untuk memenuhi Tujuan tersebut atau untuk tempoh yang kami anggap perlu untuk melindungi kepentingan kami, atau sebaliknya diperlukan di bawah mana-mana keperluan perundangan, peraturan dan/atau perakaunan.
- 11.3 Kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika ia tidak lagi diperlukan untuk tujuan di mana ia perlu diproses.

12. Ketepatan data peribadi anda

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa dikemas kini.

13. Pemindaan

Kami boleh mengemas kini dan meminda Notis Privasi ini dari masa ke semasa. Dengan terus menggunakan produk dan/atau perkhidmatan kami, mengakses laman web kami, dan/atau berkomunikasi dengan kami selepas sebarang pindaan kepada Notis Privasi ini, anda menunjukkan bahawa anda telah akur dan bersetuju dengan pindaan tersebut.

14. Pelbagai

Notis Privasi ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan yang timbul antara versi Bahasa Inggeris dan Versi Bahasa Malaysia mengenai Notis Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.